

BAH

Mahathir-Pekerja '11

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak pekerja, majikan dan kerajaan berikrar untuk bersama-sama bekerja ke arah mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri berkata kefahaman dan kerjasama antara ketiga-tiga pihak itu merupakan faktor penting ke arah pencapaian matlamat kehidupan bahagia yang setaraf dengan bangsa-bangsa lain.

Beliau yakin pekerja pada tahun 2020 akan menikmati kehidupan lebih selesa, tinggal di rumah yang sempurna, mempunyai perkakas rumah yang sekarang ini hanya mampu dimiliki oleh golongan pertengahan, mempunyai kenderaan, berupaya bercuti, melancong.

+Untuk mencapai tahap kehidupan seperti itu, bukan sahaja pendapatan pekerja mesti meningkat tetapi kos sara hidup juga tidak meningkat bersama dengan pendapatan,+ katanya dalam Amanat Hari Pekerja pada Perhimpunan Perpaduan di Stadium Negara di sini.

Kira-kira 6,000 pekerja sektor awam dan sektor menyertai perhimpunan itu yang diadakan sempena Hari Pekerja pada 1 Mei.

Katanya, walau apapun yang dibuat, akhirnya yang menentukan daya pengeluaran meningkat ialah usaha pekerja sendiri.

+Pekerja mestilah bekerja lebih kuat, lebih rajin, lebih teratur dan lebih disiplin,+ tambahnya. -- lagi

♥20/05/12-30MST

bah

Mahathir-Pekerja 2 Kuala Lumpur

Beliau seterusnya menyarankan agar kesatuan-kesatuan sekerja mengkaji semula peranan serta arah aliran mereka dengan membantu meningkatkan pendapatan melalui peningkatan daya pengeluaran.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mendedahkan niat buruk kesatuan sekerja di negara maju yang berminat untuk mengadakan perhubungan rapat dengan kesatuan di negara yang pesat membangun semata-mata untuk mengurangkan daya saingan barangan dari negara-negara berkenaan dengan keluaran negara mereka.

Ta dilakukan dengan menghasut pekerja di negara tertentu mengadakan tuntutan yang keterlaluan dan menyekat keluaran barang-barang melalui mogok dan tindakan perusahaan yang lain, katanya.

Malangnya, kata Perdana Menteri, ada pemimpin kesatuan sekerja yang tertarik dengan layanan oleh kesatuan sekerja negara-negara maju dan sanggup membelakangkan kepentingan negara.

Pemilihan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dari negara-negara membangun untuk mengetuai gabungan kesatuan antarabangsa adalah bertujuan mempengaruhi iklim ekonomi di negara membangun yang tertentu, katanya dan menambah kata: +Ta bukan satu penghormatan+. -- lagi

♥20/05/12-52MST

CNS5503

R GR 20-05 00156 NA833

hah

Mahathir-Pekerja 3 Kuala Lumpur

Sambil menyifatkan usaha kesatuan sekerja asing itu sebagai +kepura-puraan simpati+, beliau berkata mereka hanya mahu memastikan bahawa pekerja di negara mereka menikmati kekayaan manakala pekerja di negara membangun mendapat upah yang rendah atau menganggur.

Kepada majikan pula, Datuk Seri Dr Mahathir berkata mereka tidak boleh diberi kesempatan daripada ketenteraman industri (industrial peace) yang wujud untuk menindas para pekerja dan tidak memberi upahan yang berpatutan.

Katanya, kerajaan tidak suka melihat pekerja dibayar upah yang rendah dan akan memastikan pembayaran upah selaras dengan peningkatan daya pengeluaran.

Menurutnya, setiap sen yang dibelanjakan oleh mana-mana anggota masyarakat, termasuk pekerja, akan membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, kerajaan, sebagai majikan, membelanjakan kira-kira \$1,616 juta dan \$6,440 juta setahun masing-masing bagi pegawai tinggi dan kakitangan kerajaan lain.

+Lebih tinggi pendapatan mereka, lebih banyak mereka akan berbelanja dan lebih cergas kegiatan ekonomi dan pertumbuhannya. -- lagi

♥20/05/13-15MST

CNS5518

R GR 20-05 00198 NA836

hah

Mahathir-Pekerja 4 Kuala Lumpur

+Sebab itulah kerajaan mahu melihat pendapatan pekerja meningkat asalkan tidak sehingga merugikan majikan atau menyekat majikan daripada melabur sebahagian daripada keuntungan mereka dalam perusahaan dan perniagaan yang boleh menambahkan peluang pekerjaan bagi rakyat yang bertambah seramai 400,000 setahun,+ katanya.

Perdana Menteri berkata asas-asas pemikiran sosialis dan komunis seperti Karl Marx yang menekankan pentingnya masyarakat pekerja bersatu melawan majikan untuk melepaskan diri daripada penindasan tidak wujud lagi.

+Sebenarnya hasil falsafah yang menekankan permusuhan antara pekerja dan majikan ialah kemiskinan bagi semua penduduk di negara komunis,+ katanya.

Beliau menambah bahawa pemerintahan Russia dan Parti Komunisnya juga tidak menganjurkan perayaan Hari Pekerja (May Day) tahun ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sistem kapitalis tidak wujud di negara ini tetapi yang wujud ialah sistem pasaran terbuka dan bebas di mana kepentingan pekerja dipelihara melalui undi di samping hak untuk membentuk kesatuan sekerja yang boleh bertindak terhadap majikan dan kerajaan jika berlaku ketidakadilan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak boleh membelakangkan hak pelabur yang memerlukan perlindungan daripada tindakan keterlaluan dan tidak bertanggungjawab oleh pekerja, kesatuan atau parti-parti politik yang ingin menggunakan pekerja untuk kepentingan politik. -- lagi

♥20/05/13-35MST

CNS5532

R GB 20-05 00173 NA840

bah

Mahathir - Pekerja 5 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata kehadiran begitu ramai pekerja asing di negara ini dan kurangnya rakyat Malaysia mencari pekerjaan di negara lain merupakan bukti bahawa pendapatan pekerja di negara ini adalah baik.

Tambahnya, rancangan penswastaan syarikat dan agensi kerajaan juga merupakan salah satu usaha kerajaan untuk membolehkan pekerja di negara ini menikmati kehidupan yang lebih baik daripada pekerja di negara membangun lain.

Sebelum mengakhiri amanatnya sepanjang 15 muka surat itu, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak berniat untuk menindas atau membelakangkan mana-mana pihak tetapi mahukan kehidupan yang lebih bahagia kepada semua rakyat.

Yang hadir pada perhimpunan bertemakan +Perpaduan Teras Kemakmuran+ itu ialah Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek, Timbalannya Datuk M. Mahalingam, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, para eksekutif swasta dan pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja.

Bacaan ikrar oleh para pekerja diketuai oleh Puan Juniwati Rahmat Hussin, tokoh khidmat cemerlang Petronas.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan mencipta slogan dan pakaian seragam. -- Bernama

♥20/05/13-55MST